

# Lima strategi kekalkan modal insan cemerlang

**K**ERAJAAN akan berusaha menarik, membina dan mengekalkan modal insan cemerlang bagi perkhidmatan awam dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Bagi mencapai aspirasi menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi, modal insan dalam kerajaan mestilah terdiri daripada penjawat awam dengan kualiti terbaik.

Dalam tempoh RMKe-10, strategi membina dan mengekalkan modal insan cemerlang dalam perkhidmatan awam akan dilaksanakan, iaitu:

- Memperkukuh budaya prestasi dalam perkhidmatan awam;
- Menarik minat dengan mengenal pasti bakat dari awal dan meningkatkan profil perkhidmatan awam;
- Menyuntik amalan terbaik melalui lantikan secara lateral dan program pertukaran;
- Mereka bentuk skim perkhidmatan yang fleksibel yang dapat memadankan bakat dan pengalaman secara efektif mengikut keperluan perkhidmatan awam; dan
- Menjajar semula program bina upaya bagi memenuhi keperluan pekerjaan.

Bagi meningkatkan keberkesanan kerajaan bersepadu, budaya set minda dan amalan perkhidmatan awam akan terus dipertingkatkan.

Kerajaan menyedari pengurusan



**PROGRAM Latihan Khidmat Negara bantu pertingkatkan jati diri individu menjadi modal insan yang berkualiti.**

prestasi penting untuk memastikan akauntabiliti terhadap *outcome* dan mendorong peningkatan prestasi, yang mana ganjaran seperti peningkatan peningkatan landasan kerjaya, bonus bagi prestasi lebih tinggi dan pengiktirafan berprofil tinggi akan dianugerah prestasi cemerlang.

Perkhidmatan awam akan memberi lebih tumpuan untuk menarik minat bakat muda yang berkualiti dengan mempraktik amalan terbaik agensi dalam sektor swasta.

Dalam RMKe-10, kerajaan terus memperkukuh program biasiswa de-

ngan menawarkan biasiswa kepada 60,000 pelajar di dalam dan luar negara, peningkatan 27 peratus berbanding tempoh Rancangan terdahulu.

Lantikan secara lateral daripada sektor swasta juga akan diperluas bagi menarik minat individu yang berkualiti tinggi memegang jawatan strategik utama dalam kerajaan.

Perkhidmatan awam akan memperkenalkan skim perkhidmatan yang akan memperkenalkan pakar kandungan dan generalis disediakan dengan laluan pembangunan kerjaya kompetitif, bergantung kepada prestasi dan pilihan peribadi.